

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)3**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

3. Apakah status terkini Projek Rehabilitasi dan Pembangunan di Tapak Pelupusan Sampah Jelutong?
  - (a) Adakah laporan EIA, SIA dan FIA projek tersebut telah mendapat kelulusan?
  - (b) Adakah Kerajaan Negeri merancang mewujudkan *Integrated Solid Waste Management Center* atau menyediakan kemudahan MRF dan fasiliti memproses sisa domestik dan sisa pembinaan di bahagian Pulau?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Pihak PLB Engineering Berhad (PLBE) sedang dalam proses mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan. Kesemua kelulusan dijangka diperolehi pada suku ketiga tahun 2024. Setelah kesemua kelulusan diperolehi, peringkat seterusnya adalah permulaan kerja-kerja rehabilitasi. Pembangunan bercampur akan dibina di atas tapak tersebut setelah kerja rehabilitasi selesai.

- (a) Status bagi ketiga-tiga laporan iaitu Penilaian Impak Sosial (SIA), Penilaian Kesan Perikanan (FIA) dan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) adalah seperti berikut:
- (i) EIA telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk kelulusan;
  - (ii) SIA telah mendapat kelulusan; dan
  - (iii) FIA telah memperolehi ulasan yang diperlukan.
- (b) Buat masa sekarang tiada perancangan untuk mewujudkan sebuah fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu di bahagian pulau kerana perancangan asal Kerajaan Negeri bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah untuk mewujudkan fasiliti yang dilengkapi Loji *Waste to Energy* (WTE) dan teknologi-teknologi berkonsepkan sifar sisa di Fasa 3, Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) melalui *Request for Proposal* (RFP). Walau bagaimanapun, perancangan di TPSPB tertangguh kerana Kerajaan Negeri bersama MBPP dan MBSP dalam proses berunding bersama Kerajaan Persekutuan bagi menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan

Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di negeri Pulau Pinang. Hasil kajian dan proses rundingan tersebut akan menentukan hala tuju pembangunan fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu di negeri ini.